



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

SET SEMULA (RESET) KATA LALUAN E-FILING MELALUI SISTEM PESANAN RINGKAS (SMS)

Cyberjaya, 15 April – Mulai 18 April 2016 pembayar cukai yang terlupa kata laluan e-Filing boleh set semula (reset) kata laluan e-Filing mereka melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Melalui inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ini, pembayar cukai yang terlupa kata laluan e-Filing boleh memohon Kod Pengaktifan Sementara (KPS) menggunakan nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan LHDNM.

Namun demikian buat masa ini, kaedah permohonan KPS melalui SMS ini dapat dilakukan oleh pengguna talian MAXIS, Digi dan Umobile sahaja. Pengguna-pengguna talian lain akan dapat menikmati kemudahan ini pada masa hadapan setelah urusan berkaitan dimuktamadkan.

Syarikat penyedia telekomunikasi (Telco) akan mengenakan caj RM0.50 kepada pengguna kemudahan ini untuk setiap SMS maklum balas yang diberikan. KPS adalah sah selagi ia tidak digunakan oleh pembayar cukai untuk set semula kata laluan e-Filing mereka.

Untuk tindakan set semula kata laluan menggunakan KPS pembayar cukai boleh melayari Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > EzHASiL > e-Filing > Bantuan > Terlupa Kata Laluan atau klik pautan berikut:

https://ez.hasil.gov.my/CI/Bantuan_Anon.aspx

Sebelum ini pembayar cukai hanya dibenarkan memohon KPS menggunakan alamat e-mel yang berdaftar dengan LHDNM atau hadir sendiri di mana-mana kaunter perkhidmatan pelanggan LHDNM. Justeru, LHDNM berharap kaedah baharu ini dapat memberikan kemudahan kepada mereka serta menggalakkan lebih ramai pembayar cukai mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui e-Filing.

Sebagai rekod sehingga pukul 5.30 petang, 15 April 2016 sebanyak 1,602,023 BNCP pelbagai kategori telah diterima melalui kaedah e-Filing. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.68 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015 iaitu hanya 1,515,937 borang. Daripada angka ini Borang BE yang diterima melalui kaedah e-Filing daripada pembayar cukai individu yang tidak mempunyai punca pendapatan perniagaan berjumlah 1,163,742 borang berbanding hanya 1,058,502 borang pada tahun 2015 (meningkat 9.94 peratus).

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

HASiL Teman Keceriaan Anda

Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Khidmat Pelanggan : 1-800-88-5436 (LHDN) | Laman Web : www.hasil.gov.my

Tarikh : 15 April 2016

Kenyataan Media LHDNM, 15 April 2016